



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Aras 10, Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai Tanah, Likas
88450 KOTA KINABALU, SABAH

Tel. : 088-537010 / 537001
Faks : 088-234828
Portal : jpnsabah.moe.gov.my
E-mel : pengarahjpnsabah@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSBH.SPM.800-7/2JLD.3 (14)
Tarikh : 16 Februari 2023

YBrs. Dr. Tan Guan Heng
Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi J&W Sdn. Bhd.
1st Floor, 51-53A, Jalan SS25/2
Taman Bukit Emas
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

YBrs. Dr.,

PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W DI SEKOLAH MENENGAH SABAH BAGI MURID LEPASAN SPM ATAU STPM

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk surat YBrs. Dr. bil. JW25122022/0001 bertarikh 10 Februari 2023 dan surat daripada Sektor Operasi Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia bil. KPM.600-8/2/7Jld. () bertarikh 27 Januari 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan pihak YBrs. Dr. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah mengucapkan tahniah kepada Akademi J&W Sdn. Bhd. atas inisiatif menganjurkan **Program Penajaan Pendidikan (PPP) "Kursus Kaunseling Universiti dan Pekerjaan"** bagi sekolah-sekolah di Negeri Sabah.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNS mengambil maklum akan permohonan pihak YBrs. Dr. serta **tiada halangan ke atas pelaksanaan program ini**. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 8 / 1995, Bil. 8 / 2009, Bil. 5 / 2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2 / 2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- 3.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang berkenaan;
- 3.2 Semua guru terlibat hendaklah mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.4 Surat ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak;

Ruj. Kami : JPNSBH.SPM.800-7/2/JLD.3 (14)
Tarikh : 16 Februari 2023

PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W DI SEKOLAH MENENGAH SABAH BAGI MURID LEPASAN SPM ATAU STPM

- 3.5 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
 - 3.6 Pihak penganjur perlu mengemukakan draf poster / gegantung / hebahan digital / sijil untuk semakan **Jabatan Pendidikan Negeri Sabah** sebelum diedarkan;
 - 3.7 Sekiranya sekolah yang diundang mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak sekolah perlu memberikan laluan kepada murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
 - 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid terlibat (*SPI Bil. 5 / 2018*);
 - 3.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan atau minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
 - 3.10 Pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan; dan
 - 3.11 JPNS berhak menarik balik surat penganjuran ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi / sekolah pada masa akan datang.
4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Akademi J&W Sdn. Bhd.** yang akan menganjurkan **Program Penajaan Pendidikan (PPP) "Kursus Kaunseling Universiti dan Pekerjaan"**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Ruj. Kami : JPNSBH.SPM.800-7/2JLD.3 (Af)
Tarikh : 16 Februari 2023


PERMOHONAN KEBENARAN MENGANJURKAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W DI SEKOLAH MENENGAH SABAH BAGI MURID LEPASAN SPM ATAU STPM

5. Pihak YBrs. Dr. dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (Lampiran B)** kepada pihak JPNS dalam masa dua (2) minggu selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program. Jika ada sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Saharuddin bin Baadu**, Penolong Pengarah Pengurusan Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid di talian **088 - 537010 samb. 7170** atau melalui e-mel saharuddinbaadu@moe.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MUDDIN BIN BETING)
Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah